

PM terima anugerah tertinggi Kosovo ^{m/k: 3}

BERITA HARIAN

03 MAY 2025

Putrajaya: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam menerima penghormatan tertinggi Kosovo, iaitu Darjah Kebesaran Kemerdekaan (*Order of Independence*), satu lagi pengiktirafan antarabangsa diberikan kepada Malaysia.

Anugerah berprestij itu adalah penghormatan awam tertinggi dikurniakan Kosovo kepada individu yang memainkan peranan penting dalam menyokong kemerdekaan negara berkenaan.

Anugerah itu disampaikan Presiden Kosovo, Dr Vjosa Osmani Sadriu kepada Perdana Menteri pada satu majlis ringkas di Bangunan Perdana Putra di sini.

Pejabat Perdana Menteri menerusi kenyataan memaklumkan, penganugerahan itu me-

ngiktiraf sokongan tidak berbehal bahagi Malaysia terhadap kedaulatan Kosovo serta pembangunan pasca kemerdekaannya, selain komitmen teguh Perdana Menteri dalam memperkuh hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Selain itu, Osmani juga akan menganugerahkan Darjah Kebesaran Kemerdekaan secara *anumerta* kepada bekas Perdana Menteri, Allahyarham Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Ia sebagai penghargaan atas kepemimpinan beliau ketika tempoh penting dalam sejarah Kosovo.

Di bawah kepemimpinan Abdullah, Malaysia menjadi antara negara terawal mengiktiraf kemerdekaan Kosovo pada 30 Oktober 2008.



Osmani menyampaikan anugerah Darjah Kebesaran Kemerdekaan kepada Anwar di Kompleks Perdana Putra, Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)